

KOLEKSI PERCUBAAN

SPM

TASAWWUR ISLAM

2022

BAHAGIAN B

SOALAN 3

JOHOR 1

- 3 a i. Nyatakan konsep sistem sosial Islam. [2 markah]
- ii. Jelaskan **dua** matlamat sistem sosial Islam. [2 markah]

- b i. Senaraikan **dua** jenis hiburan yang boleh meningkatkan keimanan kepada Allah S.W.T [2 markah]

- ii. Ahmad ingin menyertai pertandingan uji bakat nyayian peringkat negeri. Ayahnya telah memberi beberapa syarat bagi membenarkan Ahmad menyertai pertandingan tersebut. [6 markah]

Cadangkan **tiga** syarat yang patut ayah Ahmad kemukakan agar menepati panduan hiburan menurut Islam.

- c i. Apakah maksud syura? [2 markah]
- ii. Jelaskan **dua** etika tadbir urus Islam selain integriti. [2 markah]

- iii. Dolah yang kebetulan tinggal berdekatan dengan pejabat sering datang awal untuk merekod kehadiran, namun pulang semula ke rumah untuk berehat tanpa disedari oleh majikannya. [4 markah]

Huraikan **dua** implikasi terhadap organisasi tempat Ali bekerja sekiranya sikap beliau tidak dibendung.

JOHOR 2

- 3 (a) Senaraikan **dua** ciri sesebuah keluarga Islam. [2 markah]
- (b) Jelaskan **dua** tanggungjawab suami kepada isteri. [4 markah]



- (c) Berdasarkan gambar di atas, huraikan asas pergaulan yang diamalkan dalam situasi berikut. [4 markah]

- (d) (i) Apakah maksud pengurusan menurut Islam ? [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** aspek yang dijadikan asas oleh Rasulullah SAW dalam mengurus negara. [4 markah]

- (iii) Terangkan **dua** ciri khalifah Islam. [4 markah]

KELANTAN



Gambar 3 : Hadis tentang peraturan bergaul dalam Islam

- 3 (a) (i) Terangkan maksud pergaulan dalam Islam. [2 markah]
- (ii) Mengapakah Islam menggalakkan umatnya supaya mengamalkan sifat mahmudah dalam pergaulan. [4 markah]
- (iii) Nyatakan empat contoh sifat mahmudah dalam pergaulan. [4 markah]

Pengurusan Islam merupakan proses penting bagi mengendalikan manusia, organisasi dan matlamat pengurusan yang hendak dicapai berlandaskan Al-quran dan hadis. Pengurusan Islam merangkumi peranan tauhid sebagai asas utama pengurusan.

(Artikel : Pengurusan dalam Islam – Ahmat Izham)

- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan menurut Islam ?. [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua asas utama pentadbiran dan pengurusan di zaman Rasulullah SAW. [4 markah]
- (ii) Berikan dua etika tadbir urus dalam Islam. [4 markah]

PAHANG


- 3 (a) Nyatakan **empat** tindakan yang boleh dilakukan untuk merapatkan hubungan dalam masyarakat. [4 markah]



- (b) Sebagai bakal pemimpin masa hadapan, anda perlu mempunyai sifat yang tertentu. Jelaskan. [6 markah]
- (c) (i) Berikan **empat** jawatan yang diwujudkan untuk melicinkan pengurusan dan pentadbiran wilayah pada zaman Khulafa Ar-Rasyidin. [4 markah]
- (ii) Jelaskan ciri pentadbiran dan pengurusan Islam. [2 markah]
- (d) Nyatakan **empat** syarat khalifah. [4 markah]

PULAU PINANG 1

3. (a) i. Nyatakan dua adab dan etika Sistem Sosial Islam. [2 markah]
 ii. Senaraikan dua hak asasi manusia. [2 markah]



- (b) i. Berdasarkan info grafik di atas, nyatakan punca berlakunya perceraian dalam kalangan masyarakat Islam. [1 markah]
 ii. Bagaimanakah rumah tangga boleh diselamatkan daripada perceraian. Berikan hujah anda. [5 markah]

Etika tadbir urus Islam merujuk kepada panduan Islam bagi individu yang diberikan amanah untuk mentadbir dan mengurus sesebuah organisasi.

- (c) i. Senaraikan dua etika tadbir urus Islam. [2 markah]
 ii. Jelaskan dua kesan yang berlaku sekiranya sesebuah organisasi mentadbir dan mengurus tidak mengikut syariat Islam. [4 markah]
- (d) Nyatakan empat ciri khalifah Islam. [4 markah]

PERAK

- 3 (a) Terangkan dua adab dan etika berdasarkan Sistem Sosial Islam. [4 markah]

(b)



- (i) Senarai dua contoh perbuatan di atas. [2 markah]
- (ii) Kemukakan hujah anda menurut Islam, berkaitan pandangan segelintir masyarakat yang menganggap perbuatan ini adalah hak asasi manusia yang perlu dihormati. [4 markah]
- (c) (i) Jelaskan dua ciri pentadbiran dan pengurusan Islam. [4 markah]
 (ii) Terangkan dua kesan mentadbir dan mengurus mengikut syariat. [4 markah]
- (d) Senaraikan dua etika tadbir urus Islam selain integriti. [2 markah]

PULAU PINANG 2

3. (a) i. Jelaskan **dua** asas pergaulan dalam Islam. [2 markah]
ii. Senaraikan **dua** contoh sifat mahmudah dalam pergaulan. [2 markah]

(b) i.

STATISTIK KES BUANG BAYI JUMLAH KES 2011-2016 DI MALAYSIA	
TAHUN	JUMLAH
2013	98
2014	103
2015	111
2016	115
Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	

Berdasarkan statistik di atas, huraikan punca dan kesan kes pembuangan bayi. [4 markah]

- ii. Cadangkan cara bagi mengatasi masalah di atas. [2 markah]

(c)

Piagam yang diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW pada tahun 622 Masihi bersamaan tahun pertama Hijrah. Piagam ini merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia. Mengandungi 47 fasal, 23 fasal (sesama umat Islam) dan 24 fasal (dengan bukan Islam).

Berdasarkan pernyataan di atas, namakan piagam tersebut dan siapakah golongan bukan Islam yang disebutkan dalam piagam.

[2 markah]

- (d) i. Jelaskan **dua** ciri pentadbir dan pengurus yang baik. [4 markah]

- ii. Terangkan **dua** kesan mentadbir dan mengurus tidak mengikut syariat.

[4 markah]

SABAH

3. (a) i. Terangkan **dua** kepentingan sistem sosial Islam dari aspek ekonomi.

(4 markah)

ii.

Sering kita saksikan di mana-mana bandar besar terdapat gelandangan yang menumpang tidur di tepi-tepi bangunan sedangkan mereka mempunyai keluarga.

Bagaimana institusi kekeluargaan Islam menyelesaikan masalah di atas.

Berikan pendapat anda.

(6 markah)

- (b) i. Apakah maksud pengurusan Islam?

(2 markah)

- ii. Senaraikan **empat** ciri pentadbir yang baik dalam Islam

(4 markah)

- iii. Jelaskan **dua** perbezaan antara negara Islam dengan negara bukan Islam.

(4 markah)

SARAWAK

1. (a) (i) Jelaskan dua konsep hiburan dalam Islam. [2 markah]
(ii) Jelaskan dua adab dan etika hiburan menurut Islam. [2 markah]

Pengurusan berperanan menyelenggara sumber manusia dan sumber alam.

- (b) (i) Nyatakan maksud pentadbiran. [2 markah]
(ii) Senaraikan dua ciri pentadbir dan pengurus yang baik. [2 markah]
(iii) Huraikan dua kepentingan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam terhadap negara. [4 markah]
(iv) Mengapakah syura penting dalam sesebuah pengurusan syarikat? [2 markah]

Terdapat remaja yang sanggup merekod dan merakam diri mereka sendiri yang melakukan jenayah seperti merosakkan barangan kedai kemudian memuat naik video tersebut ke media sosial.

- (c) (i) Apakah punca perkara ini berlaku? [1 markah]
(ii) Cadangkan tindakan yang boleh dilakukan oleh ibu bapa bagi mengatasi masalah di atas dan memastikan keunggulan sosial Islam terjamin. [5 markah]

TERENGGANU

3. (a) Nyatakan **dua** keistimewaan Sistem Sosial Islam. (2 Markah)

Salah satu matlamat Institusi Kekeluargaan Islam adalah melahirkan generasi yang bertaqwa.

- (b) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah persiapan yang boleh anda lakukan bagi mencapai matlamat tersebut? (6 Markah)
- (c) (i) Nyatakan **dua** adab pergaulan dalam Islam. (2 Markah)
(ii) Jelaskan amalan ta'awun dalam asas pergaulan Islam. (2 Markah)
- (d) (i) Apakah maksud pengurusan dalam Islam? (2 Markah)
(ii) Senaraikan **dua** ciri pentadbir dan pengurus yang baik. (2 Markah)
(iii) Terangkan **dua** kebaikan mentadbir dan mengurus mengikut syariat Islam. (4 Markah)

PANDUAN PENSKORAN

JOHOR 1

3.	(a)	i.	konsep sistem sosial Islam. Sistem yang mengawal dan memberi panduan berkaitan cara manusia berhubung antara satu sma lain.	1 isi x 2 markah = 2 markah
		ii.	Dua matlamat sistem sosial Islam. - Mendapat keredaan Allah - Memakmurkan alam mengikut islam serta Melaksanakan tugas sebagai khalifah - Melaksanakan hak dan tanggungjawab dengan sebaiknya - Mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup dunia akhirat	2 isi x 1 markah = 2 markah
	b	i	dua jenis hiburan yang boleh meningkatkan keimanan kepada Allah S.W.T : - alunan zikir / qasidah - nasyid - musabaqah al-quran	2 isi x 2 markah = 2 markah
	(b)	ii.	Ahmad ingin menyertai pertandingan uji bakat nyayian peringkat negeri. Ayahnya telah memberi beberapa syarat bagi membenarkan Ahmad menyertai pertandingan tersebut. Cadangkan syarat yang patut ayah Ahmad kemukakan agar menepati panduan hiburan menurut Islam. - Menjaga waktu solat dengan tidak mengabaikannya - Memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat agar nama baik keluarga terpelihra - Menjaga pergaulan antara lelaki dan perempuan agar maksiat dapat dielakkan # Mana-mana jawapan munasabah diterima	3 isi 3 H = 6 markah
	c	i	maksud syura ialah : - Setiap keputusan dicapai dalam mesyuarat yang dijalankan	1 isi x 2 markah = 2 markah
		ii	dua etika tadbir urus Islam selain integriti ialah : <u>Efektif (Hasil tercapai)</u> Efisien (cekap) dan konsisten (tekal) dalam menghasilkan impak (kesan) yang cemerlang. <u>Amar makruf dan nahi mungkar</u> Membudayakan nilai murni dalam tadbir urus. <u>Sistematik</u> Membuat perancangan dan pemantauan yang berterusan.	c
		iii	Huraikan dua implikasi terhadap oganisasi tempat Ali bekerja sekiranya sikap beliau tidak dibendung. - Organisasi akan kerugian tenaga kerja kerana ali membuang masa dengan mencuri tulang - Prodiktiviti yang dihasilakn merosot kerana tiada pemantauan terhadap pekerja - Menimbulkan ketidakpuasan hati pekerja lain kerana sikap Ali yang tidak bertanggungjawab # Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi x 2 markah = 4 markah 2isi + 2 H

JOHOR 2

3. Dua ciri sebuah keluarga Islam ialah :-

- Berlandaskan ketaatan kepada Allah SWT
- Mengamalkan akhlak mulia
- Berkomunikasi dengan positif

(Pilih dua ciri sahaja)

[2M]

(b) Dua tanggungjawab suami kepada isteri :-

- Berperanan sebagai pemimpin
- Memastikan isteri mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya
- Menyediakan keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal
- Melindungi isteri
- Memberi Pendidikan yang sempurna kepada isteri
- Berlaku adil jika berpoligami

(Pilih dua tanggungjawab sahaja)

[4M]

(c) Asas pergaulan yang perlu diamalkan dalam hidup bermasyarakat ialah dengan saling bekerjasama dalam membantu jiran yang dilanda musibah. Ini menunjukkan sikap prihatin masyarakat yang merupakan suatu akhlak yang dituntut di dalam Islam

[4M]

(d) (i) Pengurusan menurut Islam ialah menggunakan sumber alam untuk kebajikan manusia

[2M]

(ii) Dua aspek yang dijadikan asas oleh Rasulullah SAW dalam mengurus negara ialah :-

- Islam merupakan dasar pentadbiran
- Menggunakan sistem syura
- Menggunakan piagam Madinah

(Pilih dua aspek sahaja)

[4M]

(iii) Dua ciri khalifah Islam ialah :-

- Fizikal yang sihat dan sempurna
- Pengetahuan yang luas
- Yakin terhadap diri sendiri
- Mempunyai semangat yang kuat

(Pilih dua ciri sahaja)

[4M]

KELANTAN

3	(a)	(i)	Maksud pergaulan menurut Islam Komunikasi dan perhubungan antara individu dengan individu yang lain / berteraskan syariat Islam	1 Isi X 1 Huraian = [2 markah]
		(ii)	Sebab Islam menggalakkan umatnya mengamalkan sifat mahmudah dalam pergaulan Untuk membentuk sebuah masyarakat yang harmoni / kerana tidak lagi wujudnya perbalahan / yang boleh menghancurkan masyarakat / dengan itu kehidupan akan menjadi lebih aman dan tenteram Mana-mana jawapan yang munasabah di terima	1 Isi 1 Huraian 1 huraian lengkap 1 kesimpulan = [4 markah]
		(iii)	Empat contoh sifat mahmudah dalam pergaulan 1. Ikhlas 2. Benar 3. Amanah 4. Sopan Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	4 Isi X 1m = [4 markah]
	(b)	(i)	Maksud pengurusan menurut ialah Menggara serta menyelenggara sumber manusia dan alam / untuk kebajikan manusia	1 Isi X 1 Huraian = [2 markah]
		(ii)	Dua asas utama pentadbiran dan pengurusan di zaman Rasulullah SAW 1. Islam sebagai dasar pentadbiran negara 2. Syura sebagai salah satu kaedah dalam menguruskan pentadbiran 3. Piagam Madinah sebagai perlembagaan negara 4. Akidah Islamiyah sebagai pegangan dalam urusan pentadbiran menggantikan semangat 'asabiyyah	2 Isi x 2 Huraian = [4 markah]
		(ii)	Dua etika tadbir urus dalam Islam 1. Menjalankan tugas dengan penuh integriti/ tanggungjawab bukan untuk kepentingan peribadi 2. Sentiasa efisien dan konsisten untuk menghasilkan kecemerlangan dalam setiap urusan yang dilaksanakan 3. Membudayakan amar makruf nahi mungkar agar tugas mendapat keberkatan 4. Membuat perancangan dan pemantauan yang sistematik secara berterusan Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 Isi x 2 Huraian = [4 markah]

PAHANG

3.	(a)	● RIMUP ● Jamuan ● Lawatan ● Sukaneka ● Gotong royong ● Rumah terbuka perayaan ● Sambutan Hari Kemerdekaan / Bulan Kebangsaan	4 isi x 1 m = 4 m														
	(b)	Rubrik Pengskoran :- <table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td> ● Menyatakan satu pandangan sahaja (F) </td><td>1m</td></tr><tr><td> ● Menjelaskan pandangan (H1) ● Huraian ringkas </td><td>1m</td></tr><tr><td> ● Menghuraikan pandangan (H2) ● Huraian yang lengkap </td><td>1m</td></tr><tr><td> ● Menghuraikan pandangan ● Penerangan huraian yang lengkap (H3) </td><td>1m</td></tr><tr><td> ● Menghuraikan pandangan (H4) ● Kesimpulan ringkas </td><td>1m</td></tr><tr><td> ● Rumusan / kesimpulan lengkap ● Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik (H5) </td><td>1m</td></tr></table> Contoh jawapan :- Amanah (F) supaya dapat melaksanakan tugas dengan baik (H1) agar dapat menjadi pemimpin yang cemerlang (H2). Sifat ini perlu dipupuk dari awal (H3). Oleh itu, setiap pemimpin perlu mempunyai ciri kepimpinan yang baik (H4) agar dapat menjalankan tugas dengan jujur (H5). Cadangan jawapan :- ● Bijak ● Ikhlas ● Sabar ● Berwawasan	Kriteria	Skor	● Menyatakan satu pandangan sahaja (F)	1m	● Menjelaskan pandangan (H1) ● Huraian ringkas	1m	● Menghuraikan pandangan (H2) ● Huraian yang lengkap	1m	● Menghuraikan pandangan ● Penerangan huraian yang lengkap (H3)	1m	● Menghuraikan pandangan (H4) ● Kesimpulan ringkas	1m	● Rumusan / kesimpulan lengkap ● Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik (H5)	1m	6 m
	Kriteria	Skor															
● Menyatakan satu pandangan sahaja (F)	1m																
● Menjelaskan pandangan (H1) ● Huraian ringkas	1m																
● Menghuraikan pandangan (H2) ● Huraian yang lengkap	1m																
● Menghuraikan pandangan ● Penerangan huraian yang lengkap (H3)	1m																
● Menghuraikan pandangan (H4) ● Kesimpulan ringkas	1m																
● Rumusan / kesimpulan lengkap ● Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik (H5)	1m																
(c)	(i)	● Gabenor ● Setiausaha tentera ● Pegawai polis / Sahib al-Syurtah ● Pegawai cukai / Sahib al-Kharaj ● Pegawai perbendaharaan negara / Bait al-Mal ● Kadi	4 isi x 1 m = 4 m														
	(ii)	● Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis / al-Quran / al-Hadis ● Mengamalkan syura ● Melaksanakan keadilan ● Mengeratkan ukhuwah / persaudaraan ● Memastikan hak kebebasan individu terpelihara ● Mematuhi / menghormati peraturan / undang-undang	1 isi x 2 m = 2 m 2 - 0														
	(d)	● Lelaki ● Adil / saksama ● Muslim yang mukmin ● Berakhlak mulia / berani ● Mampu dari segi mental / fizikal ● Berpengaruh / keturunan yang baik ● Berilmu /memahami masalah negara	4 isi x 1 m = 4 m														

PULAU PINANG 1

3	a	i	Dua adab dan etika berdasarkan Sistem Sosial Islam ● Berpandukan al-Quran dan al- Sunnah ● Perhubungan atas dasar iman dan takwa kpd Allah SWT ● Mengutamakan kepentingan umum berbanding individu ● Mengamalkan akhlak mulia pada setiap masa ● Menghormati kepelbagaian budaya dan adat resam	2 isi x 1 markah =2 markah
		ii	Dua hak asasi manusia ● Kebebasan beragama ● Kebebasan bersuara ● Perlindungan nyawa ● Kehormatan diri ● Pemilikan harta ● Keamanan dan keselamatan	2 isi x 1 markah
	b	i	Salah satu punca perceraian ialah: ❖ Kurang pengetahuan tentang ilmu rumah tangga Islam/Kurang didikan agama ❖ Bebanan kewangan yang tinggi ❖ Ingin hidup bebas tanpa kongkongan ❖ Tidak menunaikan tanggungjawab seperti saranan agama	1 isi X 1 m = 1 markah
		ii	Bagaimanakah sesebuah rumah tangga boleh diselamatkan daripada berlakunya perceraian? Cadangan isi jawapan ❖ Mendalami ilmu rumahtangga Islam ❖ Menghayati kursus perkahwinan yang dihadiri ❖ Kesedaran tentang tanggungjawab dalam berumahtangga ❖ Ikhlas dengan pasangan	5 markah
	c	i	Dua etika tadbir urus Islam ● Integriti ● Efektif ● Amar makruf dan nahi mungkar ● Sistematis	2 isi x 1 markah = 2 markah
		ii	Dua kesan yang berlaku sekiranya sesebuah organisasi mentadbir dan mengurus tidak mengikut syariat Islam ● Mengabaikan amanah yang diberikan. ● Hilang sokongan daripada orang bawahan. ● Berlaku pertelingkahan. ● Menyebabkan kemunduran organisasi dan negara.	2 Isi x 2 markah =4 markah
	d		Empat ciri khalifah Islam ● Fizikal yang sihat dan sempurna ● Pengetahuan yang luas ● Mempunyai keyakinan diri ● Mengetahui matlamat organisasi ● Memiliki semangat yang kuat ● Cekap membuat keputusan	4 isi x 1 markah = 4 markah
			● Bersifat rasional ● Bersikap adil ● Menguasai teknik-teknik berkomunikasi ● Mampu bertindak sebagai penasihat	

PERAK

3	(a)i	- Berpandukan al Quran dan al-Sunnah/ yang diyakini benar. - Perhubungan atas dasar iman dan takwa kepada Allah SWT bukan harta atau pangkat. - Mengutamakan kepentingan umum /berbanding kepentingan peribadi. - Mengamalkan akhlak mulia/ pada setiap masa. - Menghormati kepelbagaian budaya dan adat resam /dalam masyarakat.	2 isi x 2M = 4 Markah Isi + Huraian										
	(b)i	- Amalan seks sejenis – lesbian / Gay - Amalan menukar jantina - Tertarik kepada kaum sejenis dan bukan sejenis - Mak Nyah / Tomboy - Mengadakan pesta Gay / Lesbian	2 isi x 1M = 2 Markah										
	(b)ii	Rubrik penskoran <table border="1"><tr><td>Kriteria</td><td>skor</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta</td><td>1M</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta + huraian</td><td>2M</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut</td><td>3M</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan</td><td>4M</td></tr></table> Cadangan isi/fakta - Aktiviti seks songsang bertentangan dengan wahyu - Bertentangan dengan fitrah kejadian manusia - Melanggar hak asasi lain – iaitu kehormatan diri - Kebebasan perlu ada batasan - Melanggar hak asasi lain iaitu kemananan dan keselamatan	Kriteria	skor	Menyatakan fakta	1M	Menyatakan fakta + huraian	2M	Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut	3M	Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan	4M	
Kriteria	skor												
Menyatakan fakta	1M												
Menyatakan fakta + huraian	2M												
Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut	3M												
Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan	4M												
	(c)i	- Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis /yang diyakini benar - Menagamakan konsep syura dalam pentadbiran /supaya aman - Melaksanakan keadilan untuk semua pihak/ tanpa pilih kasih - Memastikan hak kebebasan kepada setiap individu/ agar terpelihara mengikut kehendak syarat. - Mengeratkan ukhuwah dalam pengurusan /yang berteraskan nilai akhlak. - Mematuhi dan menghormati peraturan dan undang-undang/ yang telah ditetapkan dalam sesebuah organisasi	2 isi x 2M = 4 Markah Isi + Huraian										
	ii	- Melaksanakan tanggungjawab dengan amanah/ kerana Allah SWT. - Mendapat ketaatan daripada orang bawahan /supaya urusan lebih lancar - Mewujudkan persefahaman antara ketua dengan anak buah dalam menentukan keputusan. - Memajukan organisasi dan negara /supaya dikagumi negara luar	2 isi x 2M = 4 Markah Isi + Huraian										
	(d)	- Efektif - Amar makruf dan nahi mungkar - Sistematik	2 isi x 1M = 2 markah										

PULAU PINANG 2

3.	(a)	i.	Dua asas pergaulan dalam Islam ialah - Saling mengenali (ta'aruf) (1m). - Saling memahami (tafahum) (1m). - Saling bekerjasama (ta'awun) (1m).	2x1m [2 markah]
		ii.	Dua contoh sifat mahmudah dalam pergaulan ialah Ikhlas (1m), benar (1m), amanah (1m), penyayang (1m), sopan (1m), menghormati (1m), bersangka baik (1m), bekerjasama (1m) * Jawapan munasabah diterima.	2x1m [2 markah]
	(b)	i.	Contoh jawapan Punca berlakunya kes pembuangan bayi di Malaysia ialah disebabkan perbuatan zina yang berleluasa dalam masyarakat (I1). Kesan perbuatan membuang bayi akan menyebabkan anak yang tidak berdosa meninggal dunia akibat dibuang di tempat yang berbahaya dan tidak sepatutnya (I2). Kesannya, pelaku dikira berdosa besar kerana telah berzina serta membunuh (H). Kesimpulannya, Islam mengharamkan perbuatan zina dan maksiat bagi menjamin nasab keturunan yang baik dilahirkan (K).	4x1m [4 markah] I1+I2+H+K
		ii.	Cara bagi mengatasi masalah di atas ialah - Mengenakan hukuman yang berat (1m) seperti hukuman hudud kepada pesalah zina agar mereka takut melakukan maksiat (1m). - Menyekat laman-laman media sosial serta aplikasi sosial (1m) yang boleh menggalakkan perbuatan zina dan maksiat (1m). - Mengetatkan undang-undang (1m) seperti larangan remaja keluar rumah selepas waktu-waktu tertentu (1m).	1x2m [2 markah] I+H
	(c)		Piagam tersebut ialah Piagam Madinah (1m). Golongan bukan Islam ialah Yahudi (1m).	2x1m [2 markah]
	(d)	i.	Dua ciri pentadbir dan pengurus yang baik ialah - Beriman (1m) dengan melaksanakan pentadbiran dengan penuh ketaqwaan (1m). - Amanah (1m) dengan menjalankan tanggungjawab dengan sebaik mungkin (1m). - Berwawasan (1m) dengan mempunyai perancangan untuk memajukan organisasi pentadbiran (1m). - Ikhlas (1m) dengan melakukan pekerjaan dengan tulus dan sepuah hati (1m). - Positif (1m) dengan berfikiran terbuka terhadap cadangan, teguran dan nasihat (1m). - Inovatif (1m) dalam menjana idea baharu ke arah kemajuan (1m). - Dinamik (1m) dengan berupaya menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi (1m). - Integriti (1m) dengan bersikap telus dalam pentadbiran (1m).	2x2m [4 markah] I+H
		ii.	Dua kesan mentadbir dan mengurus tidak mengikut syariat ialah - Mengabaikan amanah yang diberikan (1m) sehingga berlaku kemudaratan (1m). - Hilang sokongan daripada orang bawahan (1m) menyebabkan berlakunya perbalahan (1m). - Berlaku pertelingkahan (1m) yang boleh menggugat kelancaran organisasi (1m). - Menyebabkan kemunduran organisasi dan negara (1m) sehingga merugikan rakyat (1m).	2x2m [4 markah] I+H

SABAH

3.	(a).	i	Dua Kepentingan sistem Sosial Islam dari aspek ekonomi ialah: - Memberi kebebasan kepada semua pihak berusaha mencari harta dan memiliki kekayaan secara halal <i>untuk menyara kehidupan.</i> - Menegakkan keadilan ekonomi dalam masyarakat <i>melalui sistem jual beli dan mengharamkan riba.</i>	2 isi x 2m 4 markah										
		ii.	Institusi kekeluargaan Islam menyelesaikan masalah gelandangan: <u>Cadangan jawapan:</u> Ahli keluarga hendaklah melaksanakan tanggungjawab (I) yang telah digariskan oleh syariat Islam (H1) contohnya suami isteri yang berperanan melengkapkan keperluan keluarga (H2) seperti tempat tinggal dan makanan (H3) agar kehidupan keluarga terbela. (H4) Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa berusaha untuk membentuk keluarga bahagia mengikut acuan Islam agar masalah kepincangan dalam kalangan ahli keluarga dapat diatasi dengan baik. (H5)	6 isi x 1m 6 markah										
	(b).	i.	Maksud Pengurusan Islam ialah: - Mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam untuk kebajikan manusia.	1 isi x 2m 2 markah										
		ii.	Empat ciri pentadhir yang baik dalam Islam ialah: - Beriman - Beramanah - Berwawasan - Ikhlas - Positif - Inovatif - Dinamik - Integriti	4 isi x 1m 4 markah										
		iii.	Dua perbezaan antara negara Islam dengan negara bukan Islam ialah: <table><tr><td>NEGARA ISLAM</td><td>NEGARA BUKAN ISLAM</td></tr><tr><td>Allah SWT sebagai kuasa tertinggi Negara.</td><td>Pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan.</td></tr><tr><td>Iman dan taqwa sebagai ciri utama ketua negara hingga rakyat biasa.</td><td>Mengabaikan syarat keimanan dan ketakwaan dalam memilih pemimpin.</td></tr><tr><td>Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadan selagi ada yang mengucapa dua kalimah syahadah.</td><td>Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan kewarganegaraan rakyat.</td></tr><tr><td>Menjadikan undang-undang Allah sebagai undang-undnag negara.</td><td>Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara.</td></tr></table>	NEGARA ISLAM	NEGARA BUKAN ISLAM	Allah SWT sebagai kuasa tertinggi Negara.	Pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan.	Iman dan taqwa sebagai ciri utama ketua negara hingga rakyat biasa.	Mengabaikan syarat keimanan dan ketakwaan dalam memilih pemimpin.	Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadan selagi ada yang mengucapa dua kalimah syahadah.	Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan kewarganegaraan rakyat.	Menjadikan undang-undang Allah sebagai undang-undnag negara.	Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara.	2 isi x 2m 4 markah
NEGARA ISLAM	NEGARA BUKAN ISLAM													
Allah SWT sebagai kuasa tertinggi Negara.	Pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan.													
Iman dan taqwa sebagai ciri utama ketua negara hingga rakyat biasa.	Mengabaikan syarat keimanan dan ketakwaan dalam memilih pemimpin.													
Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadan selagi ada yang mengucapa dua kalimah syahadah.	Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan kewarganegaraan rakyat.													
Menjadikan undang-undang Allah sebagai undang-undnag negara.	Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara.													

SARAWAK

3. (a) (i) Jelaskan dua konsep hiburan dalam Islam. (ms:121) [2 markah]
- bertujuan mengagungkan Allah dan mendidik jiwa.
 - berhibur selari dgn kehendak syariat.
 - meliputi aspek iman dan akhlak.
 - hiburan sbg memenuhi tuntutan fitrah manusia.
 - membangunkan potensi umat Islam dlm seni hiburan.

- (ii) Jelaskan dua adab dan etika hiburan menurut Islam. (ms:122) [2 markah]
- meningkatkan keimanan.
 - tidak bercanggah dgn syarak.
 - berteraskan nilai akhlak Islam.
 - sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berhibur.
 - menghasilkan karya hiburan yg asli.
 - berhibur secara sederhana dan tidak melampaui batas.
 - tiada unsur yg merosakkan akidah dan maksiat.
 - tidak mengganggu atau menzalimi org lain.

Pengurusan berperanan menyelenggara sumber manusia dan sumber alam.

- (b) (i) Nyatakan maksud pentadbiran. (ms:59) [2 markah]
- menyelaraskan tenaga manusia agar mengikut satu perancangan/ utk mencapai sesuatu objektif yg ditetapkan.

- (ii) Senaraikan dua ciri pentadbir dan pengurus yang baik. [2 markah]
- beriman (ms:64)
 - amanah
 - berwawasan (ada perancangan)
 - ikhlas (tulus, sepenuh hati)
 - positif (berfikiran terbuka)
 - inovatif (menjana idea baru)
 - dinamik (berupaya menyesuaikan diri)
 - integriti (telus dlm melaksanakan tadbir urus masyarakat dan negara)

- (iii) Huraikan dua kepentingan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam terhadap negara. (ms:65) [4 markah]
- mewujudkan pentadbiran negara yang efisien dan efektif serta menjadi contoh kepada negara lain.
 - membolehkan segala urusan dilaksanakan secara teratur dan menepati syarak.
 - meneladani tadbir urus negara seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah saw.

- (iv) Mengapakah syura penting dalam sesebuah pengurusan syarikat? (ms:62) [2 markah]
- Kerana setiap keputusan dicapai dalam mesyuarat yang dijalankan.
 - Kerana mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif dan membuat keputusan yang paling berkualiti berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah.

Terdapat remaja yang sanggup merekod dan merakam diri mereka sendiri yang melakukan jenayah seperti merosakkan barangan kedai kemudian memuat naik video tersebut ke media sosial.

- (c) (i) Apakah punca perkara ini berlaku? [1 markah]
- kurang didikan agama
 - pengaruh rakan sebaya yang negatif/media sosial
 - iman yang lemah
- (ii) Cadangkan tindakan yang boleh dilakukan oleh ibu bapa bagi mengatasi masalah di atas dan memastikan keunggulan sosial Islam terjamin. [5 markah]
- memberi didikan agama yang sempurna. Hal ini demikian supaya menjadi benteng diri anak-anak. Kesannya dapat mengelakkan mereka daripada mudah terpengaruh dengan perkara maksiat. Contohnya, memuat naik sesuatu perkara yang berbentuk negatif yang boleh mengundang sensitiviti masyarakat di media sosial seperti Instagram, Facebook dan Twitter. Kesimpulannya ibu bapa hendaklah memainkan peranan masing-masing memantau tingkah laku anak-anak supaya dapat menjauhkan mereka daripada terjebak dengan gejala sosial.

TERENGGANU

3.	(a)	(i)	Dua keistimewaan Sistem Sosial Islam ialah - Bersumberkan Al Quran dan As Sunnah - Menjaga hak asasi manusia - Menjamin keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera - Membangunkan modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia	2 Isi x 1M (2 Markah)																										
	(b)		Rubrik pengskoran : <table border="1"> <tr> <th>Kriteria</th> <th>Skor</th> </tr> <tr> <td>• Menyatakan satu pandangan sahaja (F)</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>• Menjelaskan huraian</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>• Pandangan ringkas(H1)</td> <td></td> </tr> <tr> <td>• Menghurai pandangan</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>• Huraian yang lengkap (H2)</td> <td></td> </tr> <tr> <td>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan</td> <td></td> </tr> <tr> <td>• Menghuraikan pandangan(H3)</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>• Penerangan huraian yang lengkap</td> <td></td> </tr> <tr> <td>• Menghuraikan pandangan (H4)</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>• Kesimpulan ringkas</td> <td></td> </tr> <tr> <td>• Rumusan/ kesimpulan</td> <td>1m</td> </tr> <tr> <td>• Olahan jawapan tepat, jelas , relevan dan menarik</td> <td></td> </tr> </table> Contoh Jawapan : Cara saya mempersiapkan diri adalah menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh (Isi) samada ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah (H1) agar menjadi insan berguna (H2). Ini kerana dengan ilmu dan iman akan menghalang kita daripada melakukan perkara yang keji dan mungkar.(H3) Kesannya kita sentiasa akan melakukan kebaikan dan suruhan Allah SWT.(H4) Kesimpulannya kita hendaklah beramal dengan ilmu yang dipelajari dengan mantap agar hidup diredhai oleh Allah. (K)	Kriteria	Skor	• Menyatakan satu pandangan sahaja (F)	1m	• Menjelaskan huraian	1m	• Pandangan ringkas(H1)		• Menghurai pandangan	1m	• Huraian yang lengkap (H2)		• Contoh atau sebab atau dalil sokongan		• Menghuraikan pandangan(H3)	1m	• Penerangan huraian yang lengkap		• Menghuraikan pandangan (H4)	1m	• Kesimpulan ringkas		• Rumusan/ kesimpulan	1m	• Olahan jawapan tepat, jelas , relevan dan menarik		1 Isi 4H 1K (6 Markah)
Kriteria	Skor																													
• Menyatakan satu pandangan sahaja (F)	1m																													
• Menjelaskan huraian	1m																													
• Pandangan ringkas(H1)																														
• Menghurai pandangan	1m																													
• Huraian yang lengkap (H2)																														
• Contoh atau sebab atau dalil sokongan																														
• Menghuraikan pandangan(H3)	1m																													
• Penerangan huraian yang lengkap																														
• Menghuraikan pandangan (H4)	1m																													
• Kesimpulan ringkas																														
• Rumusan/ kesimpulan	1m																													
• Olahan jawapan tepat, jelas , relevan dan menarik																														
	(c)	(i)	Dua adab pergaulan dalam Islam ialah. - Menjaga tutur kata - Berlaku adil dan ehsan - Menjaga batasan aurat - Bersangka baik	2 Isi x 1M (2 Markah)																										
		(ii)	Amalan ta'awun dalam asas pergaulan Islam adalah - Saling tolong menolong ke arah kebaikan - Prihatin antara satu sama lain - Menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan	1 Isi x 2M (2 Markah)																										
	(d)	(i)	Maksud pengurusan dalam Islam ialah Mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam / untuk kebajikan manusia.	1 Isi x 2M (2 Markah)																										
		(ii)	Dua ciri pentadbir dan pengurus yang baik. - Beriman - Amanah - Berwawasan	2 Isi x 1M (2 Markah)																										
		(iii)	Dua kebaikan mentadbir dan mengurus mengikut syariat Islam ialah - Dapat melaksanakan tanggungjawab dengan amanah / sehingga menghasilkan produktiviti yang tinggi - Mendapat ketaatan daripada orang bawahan/ kerana wujud persefahaman yang baik	2 Isi x 2M (4 Markah)																										